

## **Tinjauan Buku**

### **Pemerolehan Bunyi Plosif Kanak-Kanak Melayu**

**Badruzaman Abdul Hamid, Shahidi A. Hamid & Shaharina Mokhtar**

Bangi: Penerbit UKM, 2022, 156 halaman, ISBN 9789672518136

Dasar Pendidikan Malaysia menyediakan sistem pendidikan yang bermula daripada peringkat prasekolah sehingga ke peringkat universiti. Dasar pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun terserlah menerusi akta pendidikan 1996 yang memansuhkan akta pendidikan 1961. Pada dasarnya, tempoh usia prasekolah dari usia empat hingga enam tahun merupakan tempoh perkembangan bahasa yang paling giat. Pada peringkat ini kanak-kanak belajar menggunakan segala kemahiran verbal dan non verbal untuk berkomunikasi dengan rakan dan guru mereka. Pada usia ini juga mereka didedahkan dengan aspek pembelajaran formal secara asas seperti kemahiran membaca, menulis dan bercerita. Kemahiran ini memerlukan mereka memanipulasi perbendaharaan kata yang mereka telah ada.

Sehubungan itu, buku berjudul 'Pemerolehan Bunyi Plosif Kanak-Kanak Melayu' ini cuba menyerlahkan peri pentingnya aspek kontras suara dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak dan sekaligus turut menekankan hubungkaitnya dengan konteks pendidikan prasekolah. Buku hasil nukilan Badruzaman Abdul Hamid, Shahidi A. Hamid dan Shaharina Mokhtar ini terbahagi kepada enam bab yang membincangkan tentang pemerolehan bunyi plosif kanak-kanak Melayu, pemerolehan bahasa, perkembangan bahasa kanak-kanak, penghasilan bunyi plosif, VOT bunyi plosif, pola kontras suara dan perkembangan penelitian kecelaruan bahasa kanak-kanak.

Isu-isu berkaitan kajian terdahulu tentang pemerolehan bahasa diketengahkan oleh penulis dalam bab 1 buku ini. Penulisan-penulisan lepas tentang perkembangan bahasa kanak-kanak prasekolah di Malaysia sangat banyak tertumpu pada aspek sintaksis dan morfologi. Walau bagaimanapun buku yang menjurus kepada aspek fonetik khususnya aspek kontras suara, sebaliknya, sangat sukar ditemui. Sedangkan hakikatnya, pembelajaran dan penguasaan bahasa oleh kanak-kanak bermula dari pengecaman dan penguasaan bunyi-bunyi bahasa (i.e. peringkat fonetik). Meskipun terdapat pengkaji yang menggunakan peralatan atau perisian dalam penelitian mereka seperti yang dijalankan oleh Teo Boon Seong (1998) yang melihat aspek intonasi dan nasalisasi dalam fonologi Melayu dan kajian Shahidi et al. (2011, 2012) yang menganalisis beza penyuaran bunyi plosif bahasa Inggeris yang dihasilkan oleh penutur dwibahasa bahasa Melayu di negara penutur bahasa pertama, namun penelitian yang memfokuskan aspek artikulatori dan auditori yang ditonjolkan oleh penulisan lepas tidak dapat menerangkan secara objektif beza antara bunyi bersuara dengan tak bersuara pada bunyi plosif kanak-kanak. Justeru, penelitian rintis perlu dilanjutkan untuk menjelaskan bentuk sebenar pola kontras suara kanak-kanak Melayu secara lebih mendalam.

Perkembangan bahasa kanak-kanak berdasarkan beberapa pendekatan seperti Behaviorisme, Mentalisme dan Interaksionisme, dibincangkan dalam Bab 2 buku ini. Terdapat beberapa pendekatan yang diutarakan oleh para pengkaji. Walau bagaimanapun berdasarkan penelitian rintis jelas menunjukkan bahawa pendekatan eklektik atau gabungan antara inatif dan interaksi lebih berupaya untuk menjelaskan aspek kontras suara pada kanak-kanak Melayu.

Bab 3 buku ini mendeskripsikan ciri-ciri akustik bunyi plosif dalam bahasa Melayu yang dihasilkan oleh kanak-kanak Melayu prasekolah. Aspek utama yang menjadi tunjang kepada buku ini ialah perkembangan dan corak beza penyuaran pada bunyi plosif yang hadir di kedudukan awal tengah dan akhir kata yang dituturkan dalam bahasa Melayu oleh kanak-kanak Melayu. Buku ini berusaha mempamerkan hakikat bahawa kanak-kanak Melayu mempunyai corak penghasilan bunyi plosif yang tersendiri dan berbeza dengan kanak-kanak penutur bahasa lain. Kanak-kanak Melayu mempamerkan pola yang bersifat universal pada peringkat usia dua dan tiga tahun dan kemudian menghasilkan pola yang hampir selari dengan pola dewasa Melayu apabila usia mereka memasuki umur empat tahun dan semakin matang setelah berusia lima tahun dan seterusnya semakin menghampiri corak penutur Melayu dewasa apabila mereka berusia enam tahun walaupun tidak sepenuhnya sama seperti penghasilan bunyi plosif oleh penutur dewasa.

Penerokaan aspek kontras suara yang terdapat pada kanak-kanak Melayu semasa menghasilkan bunyi plosif dibincangkan dalam bab 4 buku ini. Aspek ini amat wajar diketengahkan kerana sehingga kini belum terdapat lagi penelitian akustik yang mengkaji bunyi plosif bahasa Melayu oleh kanak-kanak. Fokus penelitiannya ialah pemerolehan kontras penyuaran pada bunyi plosif iaitu *Voice Onset Time* (VOT) atau dalam istilah bahasa Melayunya 'Masa Mula Suara'. VOT merupakan parameter yang paling kerap diteliti oleh pengkaji dalam mengkaji kontras suara pada bunyi plosif. Ini kerana Masa Mula Suara dapat membezakan kontras suara (KS) dalam banyak bahasa sama ada daripada aspek akustik dalam penghasilan bunyi plosif pada awal kata. Nilai VOT dapat menunjukkan variasi intrinsik yang berkaitan dengan daerah artikulasi dan kategori penyuaran (bersuara *vs.* tak bersuara).

Hasil penelitian data kajian tentang aspek kontras suara kanak-kanak Melayu telah dibincangkan dengan mendalam dalam bab 5 buku ini. Dapatan kajian telah dirungkai dengan menyandarkan kepada teori pemerolehan bahasa kanak-kanak. Melalui penjelasan dalam buku ini kita diperlihatkan tentang corak pemerolehan kontras suara yang dipengaruhi oleh faktor-faktor yang sangat berkait erat dengan teori pemerolehan bahasa kanak-kanak. Beberapa isu yang sangat signifikan dan relevan dalam persoalan pemerolehan bahasa kanak-kanak telah diketengahkan dalam bentuk perbincangan mendalam menerusi buku ini, khususnya tentang bagaimana aspek kontras suara ini cuba membantu menjelaskan aspek-aspek yang berkaitan dengan isu pemerolehan bahasa kanak-kanak. Antara isu-isu penting yang diketengahkan menerusi buku ini ialah persoalan Universalisme *vs.* Interaksi, profil kontras suara, pendidikan pra-sekolah dan aspek pengecaman pertuturan.

Profil kontras suara antara bunyi plosif bersuara dengan tak bersuara pada kanak-kanak Melayu berjaya diketengahkan oleh penulis melalui pendekatan akustik. Penulis menunjukkan bahawa bagi kanak-kanak Melayu kontras suara hanya dapat dikuasai setelah mereka berumur empat tahun dan keatas. Buku ini memperlihatkan kepada kita bahawa pada usia dua dan tiga tahun kanak-kanak Melayu tidak membezakan antara bunyi bersuara /b,d,g/ dan tak bersuara /p,t,k/. Pada usia dua dan tiga tahun pula, kanak-kanak Melayu hanya menguasai satu kategori kontras sahaja iaitu tundaan suara pendek. Kategori tundaan suara pendek ini menunjukkan bahawa kanak-kanak Melayu masih lagi belum melakukan penyuaran pada bunyi bersuara /b,d,g/. Mereka masih melakukan tundaan suara pendek pada bunyi bersuara. Kanak-kanak Melayu dalam buku ini hanya mula melakukan kontras suara kategori duluan suara hanyalah apabila mereka berusia empat tahun ke atas. Duluan suara ini mula mereka kuasai tetapi masih belum konsisten ini kerana bunyi lelangit lembut /g/ masih belum lagi berlaku duluan suara walaupun kanak-kanak ini telah berumur enam tahun. Sedangkan jika dilihat kepada katgori penutur dewasa jelas menunjukkan bahawa penutur dewasa Melayu mempamerkan kontras suara kategori duluan suara untuk semua bunyi bersuara bibir, gusi dan lelangit lembut /b,d,g/

manakala bagi bunyi tak bersuara bibir, gusi dan langit lembut /p,t,k/ pula memapamerkan kategori tundaan suara pendek. Pemerolehan bunyi plosif oleh kanak-kanak adalah antara bunyi yang terawal dikuasai oleh kanak-kanak iaitu selepas mereka menguasai bunyi vokal.

Selanjutnya bab 6 buku ini mencadangkan penelitian terhadap beberapa aspek lain dalam kajian kontras suara, khususnya yang melihat aspek pemerolehan kontras suara oleh kanak-kanak Melayu. Pada dasarnya, penulisan mengenai aspek Masa Mula Suara atau lebih dikenali dengan nama singkatannya VOT agak begitu meluas dan telah mendapat perhatian daripada kebanyakan penyelidik di dunia. Lazimnya, ia tidak hanya terhad kepada satu-satu jenis bahasa sahaja. Dengan hal yang demikian, beberapa aspek mengenai Masa Mula Suara boleh dilaksanakan oleh mana-mana pengkaji yang berminat dalam bidang akustik tanpa mengira perbezaan usia. Justeru, sebagai negara yang berbilang kaum dan berbilang bahasa, penulis mencadangkan agar buku lanjut yang melibatkan kontras suara dalam kalangan kanak-kanak Cina dan India yang menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil masing-masing sebagai bahasa utama turut dilakukan. Selain itu, kajian lanjutan juga boleh dilakukan dengan menggunakan metodologi yang sama dengan buku ini tetapi dijalankan terhadap kanak-kanak yang telah memasuki usia persekolahan bagi tujuan untuk mengetahui dengan lebih tepat umur sebenar mereka menguasai kontras suara bahasa Melayu pada bunyi plosif sama seperti orang dewasa.

Menerusi buku ini, pembaca dimaklumkan tentang signal akustik yang lazim digunakan untuk pengecaman bunyi plosif ialah aspirasi (*aspiration*), Masa Mula Suara, dan tempoh sekatan dan pelepasan sekatan. Dalam bahasa tertentu signal akustik aspirasi adalah penting dalam membezakan bunyi plosif bersuara dan tidak bersuara. Apabila seseorang mendengar bunyi plosif tidak bersuara dan tanpa aspirasi individu tersebut cuba mendengar fonem /b/, /d/ dan /g/. Hal ini kerana *aspiration* yang membezakan bunyi permulaan bagi fonem /p/, /t/ dan /k/ daripada /b/, /d/ dan /g/. Penutur natif yang berbahasa Inggeris sering kali menghasilkan *aspiration* terutama sekali dalam bunyi plosif tidak bersuara. Kebiasaannya, nilai Masa Mula Suara apabila *aspiration* berlaku pada bunyi plosif tidak bersuara adalah dalam lingkungan 40-75ms. Masa Mula Suara juga merupakan signal akustik untuk pengecaman bunyi plosif yang membezakan bunyi bersuara dan tidak bersuara. Penulis buku ini menjelaskan bahawa banyak buku bunyi plosif lebih menjurus kepada pengiraan Masa Mula Suara kerana signal akustik ini terdapat di dalam setiap bahasa yang digunakan di dunia.

Buku ini merupakan satu buku awal dalam proses mereka bentuk alat penilaian pertuturan dalam bahasa Malaysia bagi kanak-kanak di negara ini. Dapatan buku menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam rekabentuk ujian pertuturan secara analisis akustik yang bersifat objektif untuk kegunaan terapis pertuturan-bahasa dalam pengenalpastian kewujudan masalah pertuturan berhubung dengan kontras suara. Dalam proses mereka bentuk alat penilaian pertuturan ini, ahli terapi pertuturan-bahasa dapat memanfaatkan dapatan buku ini sebagai panduan untuk menganggarkan kewujudan kecelaruan pertuturan yang berhubung dengan kontras suara dan tahap perkembangan fonologi klien tersebut. Sebagai contohnya, jenis parameter akustik yang digunakan oleh klien tersebut dalam penghasilan bunyi plosif bersuara dan tak bersuara berbanding dengan hasil dapatan buku ini. Pengumpulan data normatif tentang corak penghasilan parameter akustik berhubung dengan faktor penyuaran adalah amat penting agar perbandingan antara corak pertuturan yang normal dengan yang bermasalah dapat dijalankan dengan lebih tepat.

Berdasarkan hasil buku ini menunjukkan bahawa pada amnya hanya setelah berusia empat tahun barulah kanak-kanak mula menghasilkan corak pertuturan menyerupai orang dewasa kecuali dalam aspek tempoh vokal dan tempoh plosif yang menunjukkan sejak umur tiga tahun kanak-kanak Melayu yang dikaji telah menunjukkan ciri-ciri kontras suara yang

menghampiri bentuk penutur dewasa. Mereka berupaya menggunakan tempoh vokal, tempoh plosif dan penyuaran semasa tempoh plosif untuk membezakan bunyi plosif bersuara daripada bunyi plosif tak bersuara di kedudukan tengah kata. Malah, kanak-kanak berumur empat tahun juga menggunakan rima suku kata yang menghampiri bentuk penutur dewasa dalam penghasilan kontras suara bunyi plosif di kedudukan akhir kata.

Paparan didapatkan dalam buku ini selaras dengan hasil dapatan buku-buku lepas di mana tiada perbezaan yang signifikan antara jantina dari segi penguasaan faktor penyuaran. Perbezaan yang wujud antara kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan adalah tempoh masa bagi setiap segmen, iaitu tempoh vokal dan tempoh plosif. Buku ini turut mengetengahkan hakikat bahawa jangka masa setiap segmen kanak-kanak perempuan adalah lebih panjang berbanding dengan kanak-kanak lelaki. Hal ini kerana kadar pertuturan yang berbeza antara jantina yang disebabkan oleh perbezaan struktur ruang vokal dalam kalangan mereka. Perkembangan fonologi merupakan suatu proses yang berlaku secara berkala dalam menguasai sistem bunyi pertuturan orang dewasa.

Keseluruhannya, buku ini sangat bermanfaat kepada golongan pembaca yang berminat mengetahui aspek pemerolehan bahasa golongan kanak-kanak, khususnya para pengkaji dalam bidang perkembangan bahasa dan fonetik akustik. Perbincangan dalam buku ini menunjukkan bahawa pendekatan golongan interaksi dapat memberikan penjelasan yang lebih tepat tentang aspek pemerolehan bahasa kanak-kanak. Dengan erti kata lain, saranan golongan interaksi yang mengatakan bahawa interaksi dengan persekitaran membolehkan kanak-kanak menguasai bahasa dengan lebih baik adalah sangat bertepatan dengan hasil buku tentang kontras suara dalam bahasa Melayu. Kemungkinan pendedahan kanak-kanak yang berusia empat tahun ke atas ini kepada persekitaran pendidikan prasekolah membolehkan mereka mempelajari bentuk pertuturan penutur dewasa Melayu dengan lebih baik. Penguasaan aspek kontras suara oleh kanak-kanak ini menjadi semakin matang iaitu semakin menghampiri bentuk penutur dewasa Melayu selari dengan pertambahan jumlah input dari persekitaran serta seiring dengan peningkatan usia mereka. Pendedahan lebih awal kepada sistem kontras penutur Melayu dewasa berkemungkinan besar mampu membolehkan kanak-kanak ini menguasai aspek kontras suara bahasa Melayu lebih awal.

Kartini Abd. Wahab,  
Kluster Melayu Polinesia,  
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
kartini@ukm.edu.my